



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

#### **SESI PERBINCANGAN: BAGAIMANA TARIF AMERIKA SYARIKAT MEMBERI KESAN KEPADА BRUNEI DARUSSALAM 8 SEPTEMBER 2025**

1. Satu sesi perbincangan bertajuk "Bagaimana Tarif AS Memberi Kesan Kepada Brunei Darussalam" telah diadakan pada hari Isnin, 8 September 2025, bertempat di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE). Sesi ini dipengerusikan oleh Yang Mulia Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (Bersara) Dato Paduka Haji Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), MOFE.
2. Sesi tersebut menghimpunkan syarikat-syarikat tempatan yang mengeksport ke Amerika Syarikat (AS) bersama dengan pegawai-pegawai kanan daripada jabatan-jabatan berkaitan di bawah MOFE, termasuk Bahagian Perdagangan, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Bahagian Penyelidikan dan Pengurusan Strategik, serta Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB). Perbincangan ini bertujuan untuk menilai kesan daripada landskap perdagangan AS yang sedang berubah, khususnya pengenalan semula tarif yang dikenali sebagai "Trump Tariffs", serta membincangkan strategi untuk melindungi sektor eksport di Brunei.
3. Sepanjang sesi tersebut, Bahagian Perdagangan telah membentangkan kesan daripada tarif AS ke atas sektor eksport di Brunei. Pembentangan itu turut menyentuh mengenai hubungan perdagangan Brunei dengan AS dan menekankan kepentingan untuk menerokai pasaran alternatif melalui Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Seterusnya, BEDB membentangkan bagaimana mereka dapat menyokong perniagaan Brunei untuk menerokai pasaran baru selain AS, termasuk memberi nasihat eksport, promosi luar negara, dan menghubungkan syarikat tempatan dengan pembeli antarabangsa
4. Sesi ini diakhiri dengan perbincangan terbuka, di mana syarikat-syarikat yang hadir berkongsi kebimbangan, pengalaman, dan cadangan mereka berhubung kesan tarif AS terhadap operasi masing-masing. Sesi ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian untuk memperkuuh ekosistem perdagangan Brunei Darussalam, meningkatkan daya tahan ekonomi, dan menyokong daya saing jangka panjang perniagaan tempatan di pasaran global.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

E-mel: [ibe@mofe.gov.bn](mailto:ibe@mofe.gov.bn)

Rujukan: MOFE/IBE/18(J)  
Tarikh: 16 Rabiuulawal 1447H/ 9 September 2025